

Kazakhstan pelawa Malaysia
Utusan Online
17 April, 2012
Oleh AZMAN IBRAHIM

KUALA LUMPUR 16 April - Kazakshtan mempelawa syarikat-syarikat dari negara ini untuk menyertai pelbagai peluang pelaburan infrastruktur, termasuk terlibat dalam pembinaan 20 buah hospital kerajaan di negara itu.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, tawaran itu sangat menarik untuk para pelabur Malaysia membina reputasi dan meluaskan perniagaan di negara itu.

Jelasnya, selain hospital, Kazakshtan juga berminat mendapatkan pelaburan Malaysia dalam beberapa projek infrastruktur lain seperti pembinaan landasan keretapi, bangunan, teknologi maklumat, lapangan terbang serta pelbagai bidang inovasi yang lain.

"Kazakhstan merupakan negara bekas Kesatuan Soviet 20 tahun lalu dan kini sedang rancang dalam pembangunan infrastruktur.

"Malaysia mempunyai kepakaran yang dikehendaki selain mendapat kepercayaan dari kerajaan negara terbabit," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis rundingan meja bulat Malaysia dan Kazakhstan di sini hari ini.

Hadir pada majlis ialah Menteri Industri dan Teknologi Baharu Kazakstan, Asset Issekeshv.

Mustapa berkata, negara itu juga berminat untuk membangunkan pangangkutan awam di bandar raya Kazakhstan.

Beliau juga memberitahu model perbankan Islam yang dilaksanakan di negara ini sejak sekian lama juga amat berpotensi diketengahkan di Kazakhstan.

Katanya, industri perbankan tempatan yang berpengalaman luas dalam bidang tersebut dapat memainkan peranan penting untuk memperkenalkan perbankan Islam di negara itu.

Kazakhstan merupakan negara yang paling maju di Asia Tengah.

Negara itu juga merupakan rakan dagang kedua terbesar Malaysia di kalangan negara Asia Tengah manakala Malaysia pula adalah rakan dagang kedua terbesar Kazakhstan dalam rantau Asean.

Pada 2011, jumlah dagangan antara kedua-dua negara adalah AS\$59.1 juta (RM 181.15 juta) dengan import Malaysia sebanyak AS\$1 juta (RM3.07 juta), manakala eksport AS\$60.1 juta (184.8 juta).

Tahun lepas, kira-kira 20,000 pelancong dari Kazakhstan melawat Malaysia.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0417&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm